

Nama : _____

Kelas : _____

Hari	: Ahad	Tarikh	: 5 September 2021
Unit 25	: Tajuk: Pemimpin Cilik	Rujukan	
Kemahiran	: • Membaca • Meneliti kandungan bahan untuk membuat rumusan	Buku Teks BM M/S 191 	
S.P :2.3.1	: Saya dapat :		
Objektif	: 1. Membaca maklumat untuk membuat rumusan dengan lengkap. 2. Melengkapkan satu rumusan dengan nilai-nilai yang baik sebagai seorang pemimpin yang sesuai.		



Membaca

Pemimpin Cilik

Afifi membaca kisah seorang ketua pengawas. Daripada kisah itu, dia ingin menulis perihal ciri seorang ketua pengawas yang berketerampilan.

Razi mula dilantik sebagai pengawas semasa tahun lima. Apabila memasuki tahun Renam, dia terpilih sebagai ketua pengawas di sekolahnya. Semenjak itu, sikapnya kian berubah. Razi sedar akan tanggungjawabnya yang lebih besar.

Pada setiap pagi, Razi akan membantu guru bertugas di pintu pagar sekolah.

"Rakan-rakan, lekas. Loceng akan berbunyi sebentar lagi," arah Razi kepada murid-murid yang baru tiba di sekolah.

Apabila loceng telah berbunyi, Razi segera mencatat nama murid yang lewat.

"Razi, kita perlu sentiasa rasional dan tidak pilih kasih semasa menjalankan tugas," imbas kembali Razi akan pesanan Cikgu Zainal semasa dia baru dilantik dahulu.

Selesai mencatat nama, Razi menasihati murid-murid itu agar berubah. Razi sedar nasihat juga dapat membantu seseorang menjadi lebih baik.

"Amir, Nurul, sebagai pengawas, kita perlulah memberikan nasihat dengan bahasa yang sopan kepada murid-murid lain," pesan Razi kepada pengawas lain yang berada di situ.

Apabila pintu pagar telah ditutup, Razi terus masuk ke kelas. Dia yakin disiplin asas utama kecemerlangan seseorang. Amanah yang dipikulnya sekarang menjadi sokongan moral untuk dia berjaya dalam bidang kokurikulum dan akademik.

Sambil memegang risalah tentang tanggungjawab ketua pengawas, Razi meneliti setiap ciri tersebut sebagai panduannya menjadi murid yang berketerampilan.



Seorang pemimpin yang baik perlulah menjaga sikap kerana dia akan menjadi suri teladan kepada semua orang. Dia juga perlu _____.



Aktiviti

Meneliti kandungan bahan untuk membuat rumusan.

Nota Guru
2.3.1

• Bimbing murid membaca dan meneliti kandungan teks karya sastera dan karya bukan sastera untuk membuat rumusan.

Strategi PdP: Pembelajaran Kontekstual
EMK: Nilai Murni – Bertanggungjawab

KBAT: Menganalisis – Menilai



Nama : _____

Kelas : _____



Murid-murid, membaca dan
meneliti kandungan teks untuk
membuat rumusan

Seorang pemimpin yang baik perlulah menjaga sikap kerana dia akan menjadi suri teladan kepada semua orang. Dia juga perlu melaksanakan yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.

Selain itu, sebagai pemimpin kita juga perlu sentiasa rasional dan semasa menjalankan tugas. Dia memberikan nasihat dan teguran terhadap rakan-rakan yang melanggar disiplin secara

Di samping itu, dia perlu berusaha dengan agar berjaya dengan dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.

Kesimpulannya, dia perlu menjadikan dirinya sebagai kepada rakan-rakan di sekolah.

Jawapan:

- contoh
- bersungguh-sungguh
- * cemerlang
- * tidak pilih kasih
- * berhemah
- * tanggungjawab

**Selamat
Menjawab!**

S.P	Tahap Penguasaan					
2.3.1	1	2	3	4	5	6

Disemak :